



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH		
TARIKH	:	4/10/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	: 11
JABATAN	:	KeTSA/ JPSM		

Isnin, 4 Oktober 2021

Komentar

11

Rehabilitasi hutan tingkat kualiti tanah, kelestarian alam



Oleh Prof Dr Arifin Abdu bhrencana@bh.com.my

Pembangunan sesebuah negara memabihkan keperluan dana yang tinggi. Dana tinggi ini penting dalam penyediaan infrastruktur bagi kemudahan rakyat, mahupun meningkatkan taraf hidup masyarakat.

Hasil pendapatan negara datang dari pelbagai sudut seperti pertanian, perkhidmatan dan industri, termasuk penanaman hasil hutan.

Kita bertuah pada saat masih berkembang maju ke hadapan, kita masih mempunyai hutan yang luas. Tidak dinafikan kebanyakan hasil hutan seperti balak, rotan, herba dan sebagainya menjadi sumber pendapatan negara kita pada awal kemerdekaan.

Ketika itu, kita mempunyai sumber hutan yang luas dan cara paling senang untuk menjana pendapatan adalah dengan menuai hasil dari hutan. Bagaimanapun, kaedah tidak lestari dipraktikkan seperti pembukaan hutan secara berleluasa banyak menyebabkan hutan kita musnah dan tidak berupaya menghasilkan sumber semula jadi yang kita inginkan.

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) bertindak selaku pengurus utama hutan di Semenanjung Malaysia sentiasa mengambil langkah proaktif melakukan projek rehabilitasi hutan dengan menggunakan pelbagai kaedah bersesuaian mengikut topografi.

Banyak hutan diwartakan sebagai hutan simpan, membantu mengekalkan spesies pokok balak berharga seperti meranti tembaga dan keruing.

Tahun ini, kerajaan melancarkan Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025, di bawah Program Penghijauan Malaysia. Ini bermaksud inisiatif ini

bukan hanya akan memelihara alam sekitar, namun dapat memberi peluang kepada seluruh rakyat Malaysia mendapat faedah kesihatan mental dan fizikal selepas lama mengharungi pandemik COVID-19.

Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Perancangan) Perhutanan Semenanjung Malaysia, Datuk Zahari Ibrahim, mengatakan bahawa seluruh rakyat Malaysia yang datangnya dari pelbagai sektor kerjaya dan latar belakang perlu bekerjasama untuk kejayaan kempen penanaman ini.

Penyelidikan dijalankan Universiti Putra Malaysia (UPM) bersama Jabatan Perhutanan Negeri Perak pada awal 2006 hingga 2012, menyatakan pembukaan hutan tanpa kaedah mampan bukan hanya menyebabkan banyak flora dan fauna musnah serta pupus, malah kesuburan tanah juga men-

jadi amat rendah.

Tanah yang terbiar dan terdedah tanpa sebarang penutup bumi terdedah kepada fenomena hakisan tanah. Sekiranya pemuliharaan hutan tidak dilakukan segera, tanah akan menjadi tandus dan gersang, ditambah lagi dengan cuaca tropika yang mempercepatkan proses luluhawa tanah.

Di Hutan Simpan Tapah di Perak, pihak Jabatan Hutan Perak memulakan penanaman semula kawasan hutan yang dikategorikan sebagai 'miskin' dengan menggunakan teknik penanaman mengayau seawal 1968, di mana pokok baharu yang berse-suaian ditanam bersebelahan dengan pokok yang sedia ada.

Keadaan ini dapat membantu mengekalkan kekayaan sumber hutan sedia ada di samping mengurangkan kesan hakisan tanah. Hasil penyelidikan kualiti tanah dijalankan menunjukkan peningkatan kandungan nutrien serta kualiti tanah lebih baik berbanding kawasan hutan yang dibiarkan mengalami pemuliharaan secara semula jadi.

Sebab itu, ramai pelancong dari Amerika Utara dan Selatan serta Eropah datang ke Malaysia untuk melihat sendiri keindahan hutan kita.

Dengan keadaan sekarang di mana ramai individu tidak bertanggungjawab hanya mengejar keuntungan apabila membuat penebangan pokok hutan secara haram untuk aktiviti perladangan, maka pemantauan berterusan amatlah perlu.

Di sinilah JPSM sentiasa bersedia siaga memantau serta mengawasi hutan kita supaya tidak dirosakkan mereka yang tidak bertanggungjawab.

Di UPM, kerjasama bersama JPSM dalam penanaman pokok hutan diberi perhatian di mana terdapat ladang Eucalyptus ditanam di sekitar kawasan kolej kediaman.

Selain memberi nilai estetika kepada persekitaran kampus, pokok ini memainkan peranan penting dalam mengukuhkan struktur tanah serta meningkatkan nutrien dalam tanah.



Kempen penanaman semula pokok diadakan bagi memelihara alam sekitar dan menambah baik ekosistem negara. (Foto hiasan)